

# Pemandu lori maut tersepit

**Lori dipandu langgar belakang treler rosak**

NOOR AINON  
MOHAMED YUSOF

KUALA KANGSAR

**S**eorang pemandu lori maut apabila kendaraannya hilang kawalan akibat dilanggar sebuah treler sebelum merempuh belakang treler lain yang rosak di KM 256, Lebuhraya Utara Selatan di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 11.15 pagi itu, mangsa, Aminordin Basiron, 58, maut di tempat



Anggota bomba memeriksa lori yang terlibat kemalangan sebelum mengeluarkan mangsa yang tersepit dalam kenderaannya.

kejadian selepas lebih sejam tersepit di tempat dukunya.

Ketua Polis Daerah Kuala Kangsar, Asisten Komisioner Razali Ibrahim berkata, kemalangan dipercayai

berlaku ketika lori yang dipandu mangsa berada di sebelah kanan jalan sebelum dilanggar sebuah treler yang tidak dapat dikenalpasti.

"Pelanggaran itu menyebabkan lori mangsa yang

membawa muatan keledak hilang kawalan lalu melanggar treler muatan kempit simen yang ketika itu berhenti di kiri bahu jalan kerana mengalami kerosakan.

"Khidmat pasukan

bomba dipanggil bagi membantu mengeluarkan mangsa dan mayat dihantar ke Hospital Kuala Kangsar untuk bedah siasat. Siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengesan

pemandu treler tersebut," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Katanya, siasatan lanjut diteruskan di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.



FOTO: JBPM PERAK

Anggota bomba mengeluarkan mayat mangsa yang terlibat kemalangan di KM 256 Lebuhraya Utara Selatan semalam.